

21 JUL 1999

Najib-Kesusasteraan

KOMPONEN KESUSASTERAAN DALAM MATA PELAJARAN BAHASA TAHUN DEPAN

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Komponen kesusasteraan akan dimasukkan dalam mata pelajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris mulai tahun hadapan untuk memberi pendedahan tentang karya kesusasteraan kepada semua pelajar sekolah menengah.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak mengumumkan hari ini bahawa semua pelajar tingkatan satu dan empat akan diwajibkan belajar komponen kesusasteraan dalam kedua-dua mata pelajaran bahasa itu mulai Mac depan.

"Langkah memperkenalkan komponen kesusasteraan Melayu bertujuan menambah minat membaca di kalangan pelajar, mendorong mereka menilai dan mengkritik karya sastera, melahirkan penulis yang kreatif dan kritis serta mempunyai kekuatan kerohanian dan intelektual," katanya.

Ketika bercakap pada persidangan berita di kementerian itu, Najib berkata usaha itu penting kerana penulis dianggap sebagai jurubicara masyarakat dan sebagai pengimbang kehidupan ke arah menjayakan wawasan negara.

Pengukuhan komponen kesusasteraan dalam mata pelajaran bahasa Inggeris bertujuan meningkatkan kefasihan pelajar dalam bahasa itu selain meningkatkan minat membaca serta kebolehan menghayati nilai-nilai estetika serta keindahan bahasa, katanya.

Mengikut jadual pelaksanaan berperingkat, komponen kesusasteraan kedua-dua mata pelajaran itu akan dipelajari pelajar tingkatan dua dan lima pada tahun 2001 dan pelajar tingkatan tiga pada tahun 2002.

Najib berkata, Kementerian Pendidikan merancang mengadakan penilaian di peringkat SPM pada tahun 2001 dan PMR pada tahun 2002 bagi karya yang diperkenalkan itu.

Katanya, bagi komponen kesusasteraan Melayu, semua pelajar sekolah menengah akan diwajibkan membaca karya terpilih yang merangkumi genre novel, cerpen, drama, prosa tradisional, puisi tradisional dan sajak.

Pelajar bagi setiap tingkatan dikehendaki mempelajari sebuah novel, dan sebuah antologi yang mengandungi enam cerpen, tiga drama, empat prosa tradisional, enam puisi dan enam sajak, katanya.

Struktur komponen kesusasteraan Inggeris pula mengandungi karya terpilih dan pelajar tingkatan satu perlu membaca dan mengkaji tiga cerpen dan tiga puisi, pelajar tingkatan dua dan tiga perlu membaca sebuah novel setiap tahun sementara pelajar tingkatan empat dan lima perlu membaca sebuah novel serta lima cerpen dan enam puisi.

Mengenai kesedihan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung pencapaian pelajar Melayu dalam bidang pelajaran yang masih jauh ketinggalan, Najib berharap perubahan sikap akan berlaku di kalangan pelajar, guru dan ibu bapa untuk meningkatkan prestasi pelajar Melayu.

Mereka harus menggunakan segala kemudahan dan peralatan pengajaran dan pembelajaran yang disediakan oleh kerajaan secara maksimum bagi membantu mencapai matlamat itu.

"Walaupun pencapaian pelajar Melayu semakin baik, mereka mempunyai potensi mencapai tahap yang lebih tinggi jika tumpuan diberikan kepada penguasaan ilmu," katanya.

Najib berharap pelajar Melayu menjadikan bidang pendidikan sebagai wadah perjuangan untuk merubah untung nasib bangsa.

-- BERNAMA

AFY NMO

